

PM SERU PATUHI

UNDANG- SEMUA PIHAK

KUALA LUMPUR
6 Jun — Dato' Sri
Dr. Mahathir

Mohamad meminta kerjasama semua pihak mempertahankan sistem undang-undang yang harus dipatuhi bagi memastikan keadaan ekonomi, sosial dan politik negara terus stabil.

"Tanpa menghormati pentadbiran dan sistem undang-undang, kita tidak mungkin stabil dan berjaya sebagai sebuah negara yang disegani oleh masyarakat antarabangsa," tegas Perdana Menteri.

Menurutnya aturan kerajaan dan sistem pentadbiran dan penguatkuasaan undang-undang perlu dipatuhi jika masyarakat yang adil hendak diwujudkan.

Dr. Mahathir menyatakan demikian dalam ucapan tahniah dan ikrar taat setia



DR. MAHATHIR

kepada Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah di istiadat mengadap dan pengurniaan darjah kebesaran dan bintang-bintang negara sempena hari keputeraan Seri Paduka ke-64 di Istana Negara di sini.

Perdana Menteri memberi jaminan kerajaan akan berusaha menentukan pembangunan negara ini bersifat positif dan seimbang.

Katanya dasar-dasar dan program-program yang dibentuk akan dipasti mencapai matlamat akhirnya iaitu pertumbuhan diikuti dengan pengagihan yang saksama tanpa menjejaskan mana-manapihak.

Dr. Mahathir yakin Malaysia mampu mencapai matlamat yang dirancangan dalam Dasar Pembangunan Nasional dan Rancangan Malaysia Keenam.

Serentak dengan itu beliau mengingatkan kerajaan amat memerlukan kesabaran rakyat sebelum dapat melaksanakan sebarang perubahan yang ka-

dangkala membawa kesan negatif kepada golongan tertentu walaupun membawa kebaikan kepada keseluruhan masyarakat dalam jangka panjang.

Mengenai ekonomi, beliau berkata ia akan terus berkembang dengan pengurusan ekonomi yang bijak, kesungguhan rakyat untuk terus berusaha bagi meningkatkan produktiviti serta kecekapan sektor swasta menerokai pasaran baru.

Katanya, pertumbuhan ekonomi memuaskan yang dinikmati tahun lepas adalah hasil usaha kerajaan, rakyat, masyarakat peniaga dan pengusaha.

Beliau yakin walaupun kadar tahun ini dijangka lebih sederhana ia masih kukuh dan stabil.

Perdana Menteri berkata keadaan ini membolehkan kerajaan meneruskan usaha membangunkan negara dengan pesat dan kerajaan akan terus mengamalkan sikap liberal terhadap pelaburan bagi menjamin pembangunan yang berterusan.

Beliau berkata pada masa yang sama sektor swasta akan terus digalakkan untuk memainkan peranan penting sebagai jentera penggerak utama pertumbuhan ekonomi.

Dr. Mahathir juga menegaskan bahawa Malaysia akan terus memainkan peranan cergas di peringkat antarabangsa.

Menurutnya Malaysia juga akan terus menjalin perhubungan erat dengan seluruh negara di dunia terutama dunia ketiga.

"Demi kedaulatan negara dan keadilan, Malaysia akan terus menyuarakan pandangannya terhadap isu-isu yang dianggap penting kepadanya," ujarnya.